**PERATURAN PEMARKAHAN**

**EKONOMI TINGKATAN 5**

**MODUL AMAN JAYA SPM 2018**

**TAJUK : 5.0 EKONOMI DAN KERAJAAN**
**STANDARD KANDUNGAN : 5.1 PERANAN KERAJAAN DALAM EKONOMI**

1. a) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis barang yang disediakan oleh kerajaan.

| | |
|---|---|
|   |  |

Barang A Barang B

I) Bandingkan ciri-ciri barang A dan barang B dari segi ekonomi. (3 markah)

i…Kedua-dua barang tersebut dikeluarkan oleh kerajaan

ii…Barang B memerlukan perbelanjaan yang lebih besar berbanding barang A

II) "Dalam system ekonomi campuran, kerajaan menyediakan barang awam kepada masyarakat" Jelaskan tujuan kerajaan membuat demikian. (5 markah)

i. meningkatkan tingkat kebajikan masyarakat

ii. Membangun atau memajukan kawasan persekitaran

iii. Barang awam tidak disediakan oleh pihak swasta kerana tidak menguntungkan

iv. Merapatkan perbezaan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin

v. meningkatkan taraf hidup

b) Maklumat dibawah berkaitan dengan satu firma milikan syarikat.

| | |
|---|---|
| TENAGA NASIONAL Better. Brighter. | Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan sebuah syarikat bekalan elektrik yang terbesar di Malaysia. |

| | |
|---|---|
| | |

I) Nyatakan empat ciri monopoli semulajadi di atas. (4 markah)
i. satu firma sahaja
ii. keluaran tiada pengganti
iii. Penentu harga pasaran
iv.tiada kebebasan keluar masuk industri

II) Mengapakah syarikat di atas dikategorikan sebagai firma kerajaan yang mempunyai ciri monopoli semulajadi.
(5 markah)
i. Hanya ada satu firma sahaja atau pengeluar tunggaliaitu TNB menyediakan perkhidmatan membekalkan tenaga elektrik di Malaysia
ii.Keluaran tiada pengganti yang hampir-perkhidmatan yang dikeluarkan tidak dikeluarkan oleh firma lain
iii. Firma penentu harga- TNB menentukan harga untuk perkhidmatan yang dikeluarkannya.
iv. Tidak bebas keluar masuk industri-wujud halangan atau kebebasan firma lain untuk keluar dan masuk pasaran kerana aktiviti yang dijalankan melibatkan kos modal yang tinggi.

III) Berikan tiga contoh monopoli semulajadi kerajaan selain contoh di atas.
(3 markah)
i...PETRONAS
ii...KTM
iii. MAS AIRLINES

2. a) Maklumat dibawah menunjukkan faedah sampingan yang ditawarkan oleh kerajaan kepada kakitangan awam.

*Imbuhan tetap khidmat awam
*Cuti tahunan mengikut kelayakan

Mengapakah kerajaan menyediakan faedah sampingan di atas kepada kakitangan awam? (5 markah)

i. Menjana pendapatan kepada penjawat awam

ii. meningkatkan kuasa beli

iii.permintaan terhadap barang dan perkhidmatan

iv.meningkatkan taraf hidup

v. mempercepat pertumbuhan ekonomi dalam negara

b) Maklumat dibawah menunjukkan keadaan ekonomi di negara X.

| |
|---|
| * Aliran wang ke luar negara melebihi aliran wang masuk ke dalam negara |

I) Tentukan jenis imbangan pembayaran di atas? (1 markah)

Imbangan Pembayaran defisit

II) Apakah keburukan imbangan pembayaran di atas terhadap negara X? (3 markah)

i.rizab pertukaran asing di bank pusat berkurang.

ii.nilai mata wang tempatan merosot

iii. Kegiatan ekonomi dalam negara semakin merosot

III)Jelaskan kesannya kepada masyarakat. (3 markah)

i.pendapatan rakyat berkurang

ii. kuasa beli berkurang

iii.permintaan barang di pasaran berkurang

c) Gambar di bawah menunjukkan suatu pencemaran.



I) Apakah kesan eksternaliti negatif di atas terhadap sesebuah ekonomi negara (3 markah)

i. pencemaran udara menjejaskan kualiti kesihatan rakyat
ii.merosakkan ekosistem
iii.Menjejaskan pemandangan

II) Pada pendapat anda, mengapakah aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh sebahagian kilang menyebabkan berlakunya pencemaran yang serius? (5 markah)

i. Akativiti perkilangan seperti pembuangan sisa cecair dan pepejal kilang kelapa sawit dan getah ke sungai tanpa kawalan

ii.Industri pembinaan dan kilang radio aktif yang menghasilkan gas-gas beracun dan bahan-bahan lain menyebabkan penyakit lelah dan sakit mata

iii.Aktiviti industri logam yang mencemarkan udara dengan sulfur dioksida dan habuk toksik

iv. Bunyi kipas ekzos kilang – menyebabkan punca pencemaran bunyi yang tinggi

III) Apakah dasar-dasar kerajaan yang boleh dikuatkuasa dalam isu di atas?

(3 markah)

i. Akta Alam Sekitar 1971

ii. Menarik balik lesen perniagaan

iii. Mengenakan kompaun / denda

IV) Sekiranya pengilang masih gagal mematuhi syarat yang diberi, jelaskan kesannya kepada masyarakat. (5 markah)

I Kesihatan pengguna terjejas

Ii Ekosistem terancam menyebabkan pendapatan nelayan pesisir pantai terjejas

iii. sumber air tercemar

iv.Aktiviti pelancongan terjejas

v.kos perubatan meningkat

3. Petikan dibawah berkaitan dengan satu dasar kerajaan.

| |
|---|
| Kerajaan tanggung lebih RM109 bilion subsidi<br><br>KUALA LUMPUR : Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata |

bahawa kerajaan Malaysia menanggung lebih RM109 bilion subsidi untuk barangan keperluan asas utama iaitu produk petroleum dan minyak masak sejak tahun 2010. Jumlah itu merangkumi subsidi kira-kira RM102.4 bilion untuk produk petroleum, manakala RM6.6 bilion untuk minyak masak

dipetik dan disesuaikan daripada:www.bharian.com.my

I) Jelaskan peranan kerajaan melalui dasar di atas. (3 markah)

i. Mengawal selia pengeluar

ii.Menberi subsidi kepada sector ekonomi tertentu

iii.Tujuannya mengurangkan kos pengeluaran pengeluar supaya mereka tidak menaikkan harga barang

II) Adakah anda bersetuju dengan pemberian subsidi oleh kerajaan untuk produk petroleum?

Berikan alasan anda. (5 markah)

i.TidakSetuju.

ii.Subsidi yang diberi akan menyebabkan harga petrol murah

iii. Menyebabkan penggunaan kenderaan meningkat

iv. Ini akan meningkatkan kesesakan di jalanraya

v. Masalah pencemaran udara meningkat

III) Huraikan kesan pemberian subsidi tersebut kepada pengeluar. (4 markah)

i. kos pengeluaran rendah

ii. harga yang dikenakan kepada pengguna rendah

iii. Pengeluar dapat menggunakan teknik pengeluaran mesra alam

iv. kadar pencemaran dapat dikurangkan

BAHAGIAN B.

Sebahagian jalan raya di Malaysia dibina oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri iaitu sepanjang 61 420 km jalanraya negeri serta 18 904 km jalan raya persekutuan. Sejak tahun 1980an, pembinaan lebuh raya bertol telah dimulakan oleh sektor swasta dan kini Malaysia mempunyai 1 820 km lebuh raya bertol.

1. Petikan di atas berkaitan dengan jalan raya di Malaysia.



a) Adakah anda bersetuju dengan pembinaan lebuh raya bertol di Malaysia?

Berikan alasan anda. (12 markah)

SKEMA

Tahap 1 (1- 4m)

Akur skema+ Definisi + Fakta + Huraian/Contoh

Setuju

Definisi eksternaliti- kos luaran yang ditanggung oleh masyarakat selain pengeluar dan pengguna barang itu.

Terima Contoh lain; pembinaan lebuh raya Timur Barat

Tahap 2 (5 - 8m)

Akur skema+ Definisi + Fakta + Huraian/Contoh + kesan

Setuju

Definisi eksternaliti- kos luaran yang ditanggung oleh masyarakat selain pengeluar dan pengguna barang itu.

Terima Contoh lain: Lebuh raya Timur Barat

Tahap 2 (9-12m)

Akur skema+ Definisi + Fakta + Huraian/Contoh + kesan

Setuju

Definisi eksternaliti- kos luaran yang ditanggung oleh masyarakat selain pengeluar dan pengguna barang itu.

Terima Contoh lain: Lebuh raya Timur Barat

Kesan positif

- mengurangkan kesesakan lalulintas
- system jalan raya yang lebih selamat
- mengurangkan kadar kemalangan jalan raya
- lebih cepat sampai ke destinasi
- mengurangkan beban kewangan kerajaan
- kerajaan boleh membina lebih banyak projek pembangunan lain

Kesan negative

- kadar pencemaran tinggi

Cara atasi

- pemantauan dari pihak kerajaa

b) Petikan di bawah dengan hutan simpan Ayer Hitam di negeri Selangor.

| |
|---|
| Hutan simpan Ayer Hitam di Selangor dianggap sebagai 'paru-paru' yang menapis dan menyediakan sumber oksigen kepada penduduk Lembah Klang. Pada tahun 1906, keluasan hutan ini ialah 4 270.7 hektar tetapi hanya tinggal 1 1176.1 hektar pada masa kini disebabkan pembangunan ekonomi di kawasan sekitarnya. |

Masalah di atas telah menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan masyarakat di sekitar Lembah Kelang. Jelaskan . (8 markah)

SKEMA

<u>Tahap 1 (1-3 Markah)</u>

Definisi +Fakta + Huraian/contoh

a.Definisi-eksternaliti negatif ialah kos luaran yang ditanggung oleh masyarakat selain pengeluar dan pengguna barang itu
b. Fakta dan contoh: pencemaran udara akibat penebangan hutan secara berleluasa.

<u>Tahap 2( 4-6 markah)</u>

Definisi + Fakta + Huraian/contoh + kesan

a.Definisi-eksternaliti negatif ialah kos luaran yang ditanggung oleh masyarakat selain pengeluar dan pengguna barang itu
b. Fakta dan contoh: pencemaran udara akibat penebangan hutan secara berleluasa
c. kesan – menjejaskan kesihatan masyarakat, kualiti kehidupan dan mempengaruhi taraf hidup

Tahap 3( 7-8 markah)

Definisi + Fakta + Huraian/contoh + kesan + cadangan

a.Definisi-eksternaliti negatif ialah kos luaran yang ditanggung oleh masyarakat selain pengeluar dan pengguna barang itu
b. Fakta dan contoh: pencemaran udara akibat penebangan hutan secara berleluasa
c. kesan – menjejaskan kesihatan masyarakat, kualiti kehidupan dan mempengaruhi taraf hidup
d. Cadangan- menguatkuasakan undang-undang cth Akta Alam Sekitar 1971, menanam semula pokok

2. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu dasar kerajaan.

| |
|---|
| Sejak tahun 2008, kerajaan telah membelanjakan hampir RM3.4 billion dalam bentuk subsidi beras |

i) Mengapakah kerajaan memberi subsidi atas beras? Jelaskan kesannya. (10 markah)

SKEMA

Tahap 1 (1- 4 Markah)

Definisi +Fakta + Huraian/contoh

a. Subsidi bermaksud bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada sesuatu perniagaan atau sektor ekonomi
b. kerajaan memberi subsidi untuk mengawal harga barang
c. Terima contoh lain: subsidi minyak masak, gas memasak.

Tahap 1 (5-7 Markah)

Definisi +Fakta + Huraian/contoh + kesan positif

a. Subsidi bermaksud bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada sesuatu perniagaan atau sektor ekonomi
b. kerajaan memberi subsidi untuk mengawal harga barang

c. Terima contoh lain: subsidi minyak masak, gas memasak.
d. Kesan pada pengeluar: menampung kenaikan kos
e. Kesan pada pengguna: dapat memenuhi keperluan asas, perbelanjaan untuk barang makanan dapat dikurangkan, pengguna mampu beli pada harga rendah

<u>Tahap 1 (8-10 Markah)</u>

Definisi +Fakta + Huraian/contoh + kesan positif dan kesan negatif

a. Subsidi bermaksud bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada sesuatu perniagaan atau sektor ekonomi
b. kerajaan memberi subsidi untuk mengawal harga barang
c. Terima contoh lain: subsidi minyak masak, gas memasak.
d. Kesan pada pengeluar: menampung kenaikan kos, kos pengeluaran dapat dikurangkan.
e. Kesan pada pengguna: dapat memenuhi keperluan asas, perbelanjaan untuk barang makanan dapat dikurangkan, pengguna mampu beli pada harga rendah
f. Kesan negatif – perbelanjaan kerajaan meningkat/ beban kewangan kerajaan meningkat, golongan berpendapatan tinggi juga dapat menikmati subsidi, hutang negara meningkat, perbelanjaan pembangunan lain terpaksa dikurangkan

ii) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan kadar pengangguran di Malaysia.

> Shah Alam: kadar pengangguran di Malaysia adalah terkawal dan dijangka tidak melebihi 3.5 peratus tahun ini disebabkan oleh kegawatan ekonomi global, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Richard Riot.
> Katanya lagi, Malaysia sentiasa menjadi antara negara yang memiliki kadar pengangguran terendah iaitu pada kadar 3.1 peratus

a) Setujukah anda Malaysia telah mencapai guna tenaga penuh. (10 markah)

SKEMA

Tahap 1 ( 1- 4m)

Akur skema +Definisi + Fakta + Huraian

a. Setuju
b. Guna tenaga ialah jumlah tenaga buruh yang sanggup bekerja dan mendapat pekerjaan
b. Guna tenaga penuh merujuk kepada kadar pengangguran di sesebuah negara berada pada paras yang rendah iaitu kurang daripada 4%

b. Contoh – kadar pengangguran di Malaysia adalah terkawal dan tidak melebihi 3.5 peratus setahun

Tahap 1 ( 5- 7m)

Akur skema +Definisi + Fakta + Huraian

a. Setuju
b. Guna tenaga ialah jumlah tenaga buruh yang sanggup bekerja dan mendapat pekerjaan
b. Guna tenaga penuh merujuk kepada kadar pengangguran di sesebuah negara berada pada paras yang rendah iaitu kurang daripada 4%
b. Contoh – kadar pengangguran di Malaysia adalah terkawal dan tidak melebihi 3.5 peratus setahun

Tahap 1 ( 8- 10m)

Akur skema +Definisi + Fakta + Huraian

a. Setuju
b. Guna tenaga ialah jumlah tenaga buruh yang sanggup bekerja dan mendapat pekerjaan
b. Guna tenaga penuh merujuk kepada kadar pengangguran di sesebuah negara berada pada paras yang rendah iaitu kurang daripada 4%
b. Contoh – kadar pengangguran di Malaysia adalah terkawal dan tidak melebihi 3.5 peratus setahun